

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, August 6, 2015 3:30 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Anggota Jabatan Keselamatan Perlu Jadi "Mata Dan Telinga" Pihak Universiti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

6 OGOS 2015 / 21 SYAWAL 1436H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

Gambar oleh: Abdul Halim Husain dan Shamsaimi Ezil

ANGGOTA JABATAN KESELAMATAN PERLU JADI "MATA DAN TELINGA" PIHAK UNIVERSITI



UUM ONLINE: 6 Ogos - Anggota Jabatan Keselamatan Universiti Utara Malaysia (UUM) perlu menjadi 'mata dan telinga' bagi pihak universiti dengan melaporkan sebarang aktiviti yang boleh mengugut ketenteraman serta mencemar nama baik universiti dan negara.

Naib Canselor, Prof. Dato' Wira Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata peranan anggota keselamatan bukan sekadar mengawal keselamatan warga dan harta benda universiti tetapi perlu merisik,

membuat rondaan, mengumpul maklumat, melapor dan mencegah sebarang aktiviti yang boleh mengancam ketenteraman universiti dan warganya.

"Pada masa kini dunia menghadapi ancaman baharu melalui media sosial seperti kumpulan militan yang merekrut mahasiswa dan pensyarah untuk menyertainya serta gerakan-gerakan subversif (menghasut) untuk menjatuhkan kerajaan menerusi gerakan mahasiswa."

"Keadaan ini telah berlaku di beberapa buah negara di mana gerakan mahasiswa diperalatkan pihak tertentu berupaya menjatuhkan kerajaan seperti yang berlaku di negara Amerika Latin dan Asia."

'Justeru ancaman-ancaman keselamatan melalui media baharu ini perlu dibendung segera dan dipandang serius oleh semua pihak," katanya ketika berucap pada sesi Lawatan Kerja ke Jabatan Keselamatan petang semalam.

Beliau juga memberi beberapa cadangan penambahbaikan untuk memantapkan lagi Jabatan Keselamatan terutama dalam menangani ancaman-ancaman baharu masa kini.

Antaranya penubuhan Unit IT bagi menangani ancaman-ancaman melalui media sosial, meningkatkan lagi disiplin, kemahiran dan kecergasan fizikal anggota keselamatan melalui pelbagai latihan dan kursus serta menubuhkan *rapid squad*, iaitu skuad yang boleh bertindak sebagai pasukan pencari dan penyelamat sekiranya berlaku sebarang insiden yang tidak diingini.

Selain itu katanya juga anggota keselamatan perlu sentiasa peka, berjaga-jaga dan mempunyai sikap suka ambil tahu terhadap persekitaran bagi mencegah sebarang ancaman di samping amanah, setia, adil dan menggunakan pendekatan mesra dengan semua pihak.

Lawatan itu merupakan lawatan kedua beliau ke Jabatan Keselamatan sebagai Naib Canselor pada 2010 dan turut diiringi Pendaftar, Mohamad Akhir Hj Yusuf; Timbalan Pendaftar, Baharudin Yaacob; Pengarah Jabatan Canselori, Ahmad Rasidi Abdullah serta pegawai-pegawai universiti.

Sebelum itu beliau telah diberi taklimat mengenai Jabatan Keselamatan oleh Pengarahnya, Mohd Zulkifli Mohd Noor @ Muhammad dan kemudiannya menghadiri jamuan Hari Raya bersama anggota-anggota jabatan tersebut.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3040/3048/3049/3052

FAKS: 04-928 3053

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my

FACEBOOK: Universiti Utara Malaysia (Official FB)

